



LAPORAN LIPUTAN MEDIA SELASA/ 4 SEPTEMBER 2018

- 1. PESTA PADI GAMIT MEMORI SILAM**
 - **UTUSAN MALAYSIA**

- 2. BINCANG KAWALAN HARGA BARANG**
 - **SINAR HARIAN**

- 3. RTB SUNGAI KEDAH / ANAK BUKIT DIPERCEPATKAN**
 - **SINAR HARIAN**

- 4. THAI MAN SPURNS WEALTH TO KEEP FAMILY FARM IN BANGKOK**
 - **THE STAR**

**DISEDIAKAN OLEH :
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

SELASA • 04.09.2018

UTARA

PERLIS
KEDAH
P. PINANG
PERAK



SEBAGIAN penganjur menyertai acara memancing ikan dalam sawah sempena Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang di Kampong Terus, Permat.



MUHAMMAD SAUQTIAN WAN Chik berkata, memancing ikan di sawah sempena Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang di Permatang Pauh, Sarawak.

Tonjol warisan bendang tertua di Seberang Perai

Pesta padi gamit memori silam

Oleh MOHD. FIRDAUS ISMAIL
@mohdfirdausismail

■ PERMATANG PAUH 3 SEPT.

PAGI itu, suasana Kampung Terus, Permatang Pauh di sini berubah wajah, seolah-olah kembali ke zaman pertanian tradisional.

Sepanjang jalan masuk ke kampung indah yang terletak kira-kira 10 kilometer (km) dari bandar Bukit Mertajam, pelbagai skulpture jerami kelihatan.

Ada yang membentuk kerbau, sampan dan petani sedang membajak sawah yang disusun kemas seperti mengali-alukan kehadiran tetamu Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang yang julung kali dianjurkan.

Pada satu sudut, pentas yang dibina berlatar belakang sawah padi menghijau dan bukit-bukau yang kemas terpasak, kelihatan sekumpulan lelaki berpakaian tradisional leka menipu seruling melantunkan irama merdu.

Turut mencertakan suasana, sekumpulan anak muda berkin pelekat berlari mengejar bola di tengah sawah lantais mengagumi memotif penulis bernama rakatan yang turut menjadikan petak sawah yang dituai sebagai padang permainan mereka.

Memahami lebih mendalam, sebenarnya festival berkenaan bukan sekadar suka-suka kerana mempunyai objektif cukup jelas iaitu membangkitkan hala tuju pertanian negara khususnya tanaman padi selain mengekalkan kawasan pertanian di kawasan itu.



SPEAKER Dewan Undangan Negeri (DUN) negeri, Datuk Law Choo Klang bersama Norliza Ariffin di acara jerami berbentuk kampung.

Bertemakan Paduka, Warisan, penganjur, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti, Dr. Norliza Ariffin menegaskan, pihaknya komited untuk memelihara tanah sawah di situ supaya kepatan pertanian yang merupakan punca pendapatan utama penduduk kampung tidak terjejas.

Norliza berkata, mereka mahu menyojokkan sawah padi di kampung berkenaan dan kawasan sekitar sebagai tanah warisan penanaman padi tertua di Seberang Perai.

"Jika kita kaji aspek sejarah, kawasan ini dikatakan sebagai jelapang padi tertua di Seberang Perai apabila Sultan Kedah menghantar adiknya, Tengku Sulaiman bernama 45,000 pegawai untuk menanam padi di sini," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Katanya, kawasan itu dipercayai dibuka pada awal tahun 1800 ketika peranan sungai sebagai laluan utama pen-

dukud beberapa kampung sekitar. Katanya, antara sungai terbitat termasuklah Sungai Perai ke Air Hitam Dalam, Labuh Banting, Pinang, Tanggul hingga ke beberapa daerah.

"Saya mahi kawasan ini menjadi sebahagian daripada produk agropelancongan kepada penganjur dalam Festival Georgetown dan Festival Butterworth."

"Padi kebanyakannya, open pelancongan membawa pelancong dari pusat bandar ke Kedah bagi menikmati makanan, keindahan alam dan aktiviti pelancongan sawah padi," katanya.

Sementara itu, penganjur festival berkenaan ternyata berbaloi apabila mendapat pengiktirafan Kerajaan Persekutuan.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata, Kampung Terus diiktiraf sebagai warisan tanaman padi.

Beliau berkata, kerajaan melalui Jabatan Warisan Negara komited untuk mengiktiraf serta bekerjasama dengan pelbagai pihak bagi memajukan industri pelancongan.

"Di sini, kita boleh bangun-

kan permagaan inap desa kerana mempunyai potensi agropelancongan. Pada hari ini juga, penggunaan media sosial dalam kalangan masyarakat sangat tinggi kerana 97 peratus kemas kini adalah mengenai aktiviti pelancongan," katanya.

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar berkata, penganjur festival berkenaan tepat pada masanya ketika pelbagai pihak mula bercakap tentang pentingnya industri pertanian negara.

Katanya, bidang pertanian perlu dibangunkan kerana hasil pengeluaran, makanan negara perlu ditingkatkan.

"Kita mahi pengeluaran makanan dalam negara bukan bagi pada tahap 75 peratus sebaliknya mencapai 100 peratus. Kita jangan lupa keringat petani dan penawab, perkara ini akan terus dibangunkan," katanya.

Memutusnya, sekiranya perhatian serius diberikan kepada industri penanaman padi, ia dapat membangkitkan kawasan berkenaan dan negeri ini selain memberi pulangan lumayan kepada penawab.

Berlangsung selama dua hari, pelbagai aktiviti turut dijalankan oleh penganjur untuk memeriahkan acara antaranya kaedah penanaman padi cara tradisional di samping cara klasik untuk menghabis burung yang memakan hasil tanaman.

Penganjur turut teruja apabila mereka berkesempatan mencuba permainan tradisional seperti gulah panjang, congkak, sepak raga bolak, bola tujuh dan tuju kawat selain mersial pengalaman bermain hampar apabila menangkap ikan dalam bendang. Turut ditawarkan di sini ialah aktiviti menyanyi mazli di jeti Kampung Terus bagi menyokong keindahan flora, hutan bakau serta burung-burung sungai.



SEORANG peserta mencuba permainan wasi bulan tradisional sempena Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang.



GOLONGAN remaja berkin pelekat sertai acara bola sepak dalam bendang.



PENDUDUK kampung terus, Permatang Pauh, Sarawak, menyambut Pesta Padi Antarabangsa Pulau Pinang di Permatang Pauh, Sarawak.

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 4 SEPTEMBER 2018
PERKARA : PERTANIAN

Bincang kawalan harga barang

**Beberapa
kementerian
akan keluar
kenyataan
berhubung SST**

SITI FATIHAH AWANG

KUALA BAHARU

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengadakan mesyuarat dalam waktu terdekat ini bagi membincangkan mengenai kawalan harga barangan yang berkaitan cukai jualan dan perkhidmatan (SST).

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata,

perbincangan itu turut melibatkan Kementerian Kewangan dan satu kenyataan rasmi akan dimaklumkan hasil daripada mesyuarat dijadualkan dalam waktu terdekat itu.

Tugas dan tanggungjawab kementerian adalah memastikan kecukupan bahan makanan termasuk produk makanan. Apabila telah dipasarkan atau mula dibeli atau diniagakan, maka ia akan melibatkan beberapa kementerian, bukan hanya kami sahaja.

"Dalam menghadapi SST ini, kita harus buat beberapa perbincangan dengan beberapa kementerian lagi termasuklah Kementerian Kewangan.

Untuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta KPDNKK, sudah ada satu jawatankuasa kawalan harga yang



Salahuddin melawat gerai jualan selepas merasmikan Majlis Pelancaran Agrotruck Kelantan di Tapak Medan Warisan Makanan dan Agrotruck Kelantan, semalam.

ditubuhkan di sepanjang musim perayaan. Ia boleh beroperasi pada masa-masa tertentu bila berlakunya

kenaikan harga barang," katanya pada sidang media di sini, semalam. Terdahulu, beliau

merasmikan Pelancaran Medan Warisan Makanan dan Agrotruck Kelantan di Dataran Bandar raya di sini,

info

SST mula dilaksanakan pada 1 September lalu bagi menggantikan GST. Isu ini mendapat perhatian kerana dekat pada rakyat.

selain turut mengadakan walk-about untuk melihat sendiri pelbagai makanan dijual di gerai tersebut.

Dalam perkembangan lain, ketika ditanya mengenai stok ikan pada musim tengkujuh yang bakal melanda kawasan Pantai Timur tidak lama lagi, beliau berkata, jika ia tidak mencukupi, kerajaan tidak menolak kemungkinan mengimport bekalan ikan bagi membantu menampung keperluan dalam negara.

KERATAN AKHBAR : SIHAR HARIAN
TARIKH : 4 SEPTEMBER 2018
PERKARA : ISU SEMASA

RTB Sungai Kedah / Anak Bukit dipercepatkan

ALORSETAR - Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kedah/Anak Bukit akan dipercepatkan bagi kurangkan kekerapan banjir serta impak kerosakan harta susulan projek itu alami kelewatan sebelum ini.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr Xavier Jayakumar berkata, pihaknya melalui Jabatan Pengairan dan Saliran akan pastikan pelaksanaan projek itu lancar dan dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir 2020.

Menurutnya, pihaknya perlu menilai semula bajet bagi teruskan projek berkenaan dan akan segera dapatkan kelulusan agar tidak lagi berlaku kelewatan.

"Sebelum ini, kelewatan disebabkan beberapa perkara, seperti pengambilan tanah yang belum selesai, selain bajet yang perlu dinilai semula. Saya sudah berikan indikator agar JPS percepatkan projek ini kerana ia akan mengurangkan impak banjir sekitar Sungai Anak Bukit, Bandaraya Alor Setar dan Jitra, termasuk kawasan tanaman padi seluas 9,000 hektar," katanya, pada sidang media, selepas hadir taklimat berkaitan RTB Sungai Kedah/Anak Bukit di pejabat JPS Kedah.

Xavier berkata, pelaksanaan projek merangkumi tiga pakej, di mana pakej pertama sudah siap pada Oktober 2013 dengan kos RM13.9 juta, iaitu menaiktaraf Sungai Kubang Rotan.

"Pakej kedua, libatkan pembinaan lencongan Sungai Baru dan menaiktaraf Sungai Anak Bukit dengan kelulusan peruntukan RM132 juta, di mana kemajuan fizikal setakat 30 Ogos adalah 87 peratus," katanya.

Menurutnya, pakej ketiga melibatkan komponen projek menaiktaraf Sungai Tanjung Pauh, terusan utama dan terusan Utara Mada serta Sungai Anak Bukit dengan kos RM108 juta, dan mencapai kemajuan projek sebanyak 80.67 peratus," katanya.

Xavier berkata, banjir besar 2010 telah menyebabkan 45,954 mangsa daripada kawasan terjejas teruk, iaitu berdekatan sungai, Jitra dan Alor Setar dipindahkan ke pusat pemindahan banjir.

4.9.18 SH

KERATAN AKHBAR

: THE STAR

TARIKH

: 4 SEPTEMBER 2018

PERKARA

: PERTANIAN

Thai man spurns wealth to keep family farm in Bangkok



Big plans ahead: Sompot plans to open a retreat on the farm where people can escape the city. — Reuters

BANGKOK: Knee-deep in one of three riceberry paddies, Sompot Tubcharoen, 60, ploughs the watery fields of his farm with a handheld machine he calls "the field crusher".

Lined with hundreds of melon trees, the farm planted with the cross-breed rice variety presents a rare green sight in the teeming Thai capital where developers are quick to snap up land if the price is right.

Housing estates, office buildings and traffic-clogged roads are fast encroaching in the area surrounding the farm, located 30km north-east of central Bangkok.

A former university researcher who traded lecture halls for boots and a straw hat to run his family's farm four years ago, Sompot says he regularly turns down developers who want to buy the land.

The farm covers eight hectares, or 50 rai using the common measure in Thailand.

"They offered me 20 million baht (RM2.4mil) per rai last year. Just recently I was asked if I'd sell for 33 million baht (RM4.1mil)," he said.

Many others have succumbed to offers to part with their land in Bangkok, where city central land prices jumped a record 30% in 2017, according to commercial real estate firm CBRE Group.

Earlier this year, Britain's Foreign Office sold its four-hectare embassy compound in the city centre, which it had retained for 96 years, for £420mil (RM2.2bil), the biggest land sale in Thai history.

Sompot said he believes spaces such as his provide a rare area of greenery in Bangkok.

The 2011 Asian Green City Index,

the most recent study to look at environmental factors in urban areas, showed Bangkok had the third-least amount of green space per person among 22 Asian cities.

Sompot plans to open a retreat on the farm where people can escape the city.

"Bangkok life is stressful and people yearn for nature," he said.

"They can come for one or two days, rest, and go home refreshed."

Sompot, who has spent 20 million baht (RM2.4mil) to cultivate his land, has yet to break even by selling rice and melons.

But he's in no rush to sell his land. "The rise in value is higher than any bank interest," he said.

"It makes me happy just to wake up and hear the birds chirp. Life is more comfortable this way." — Reuters